

Sua Harian 11/8/17

Patuh prosedur kementerian: Irda

MOHD FIRDAUS YON

JOHOR BAHRU

Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (Irda) menafikan beberapa dakwaan dibuat ke atas pihaknya dan projek pemulihan Sungai Segget yang sedang giat dilaksanakan.

Ketua Perancangan dan Pematuhan Irda, Maimunah Jaffar berkata, selaku badan berkanun kerajaan persekutuan, pihaknya mematuhi prosedur ditetapkan Kementerian Kewangan.

Menurutnya, ia termasuklah soal penawaran tender, pelantikan kontraktor, vendor serta khidmat perunding.

"Kita akan menawarkan tender secara terbuka dan menjemput kontraktor untuk terlibat.

"Sebenarnya kita mengikut cara normal berkaitan mendapatkan khidmat perunding sebab kita perlu mengikut polisi dan prosedur kerajaan. Tidak boleh buat suka-suka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam sesi soal jawab selepas memberikan taklimat berhubung perkembangan semasa projek pemulihan Sungai Segget di pejabat Irda di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Projek Pejabat Pengurusan Program Irda, Mohd Zam Mustaman.

Terdahulu, Ahli Parlimen Pulai, Datuk Nur Jazlan mempersoalkan kadar yuran perunding bagi projek tersebut yang didakwa mencecah sehingga RM20 juta (hampir 30 peratus daripada kos keseluruhan RM57 juta).

Timbalan Menteri Dalam Negeri itu mempersoalkan tindakan pelaksanaan projek menyediakan landskap yang didakwa tidak melibatkan penyertaan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Ditanya mengenai dakwaan Irda membayar hampir 30 peratus daripada nilai keseluruhan projek menaiktarafkan landskap sebagai yuran perunding,

**PROJEK
PEMULIHAN
SUNGAI SEGGET**



Keadaan semasa Sungai Segget.

INFO • Projek tersebut kini pada tahap pakej (fasa) tiga iaitu kerja berkaitan landskap dan pengindahan

Maimunah berkata, adalah mustahil pihaknya berbuat sedemikian kerana pihaknya tertakluk dengan nilai peratusan yuran oleh Kementerian Kewangan.

"Normal antara lima ke enam peratus. Jadi saya fikir anda (wartawan) perlu tanya beliau di mana beliau mendapat nombor (peratusan) itu.

"Kita tidak boleh pun. Kita tidak boleh lari dari prosedur biasa sebab kita badan berkanun kerajaan pusat," katanya.

Selain itu, beliau memberitahu projek tersebut kini pada tahap pakej (fasa) tiga iaitu kerja-kerja berkaitan landskap dan pengindahan.

"Ia melibatkan proses reka bentuk yang diharap boleh disiapkan atau

mendapat kelulusan dalam masa terdekat. Mungkin November atau Disember kita keluarkan tender," katanya.

•Sementara itu, Mohd Zam berkata, semua bajet yang diperuntukkan untuk projek tersebut daripada kerajaan persekutuan dan Irda pula bertindak selaku agensi pelaksana.

Katanya, Irda juga kini perlu menawarkan tender terlebih dahulu sebelum mendapatkan anggaran sebenar kos projek tersebut.

"Ini kerana lokasi projek adalah di Johor dan keutamaan diberikan kepada kontraktor dan perunding berasal dari Johor," katanya.

Projek Rejuvenasi Sungai Segget merupakan inisiatif signifikan di bawah Program Transformasi Johor Bahru.

Sejak 2010, Irda bersama Majlis Bandaraya Johor Bahru berkolaborasi dalam program tersebut dan menubuhkan jawatankuasa khas untuk memantau perkembangan pembangunan.